



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

KETUA KOMUNIKASI KORPORAT GRED 54 (TERBUKA)

Kementerian Pendidikan Tinggi mempelawa permohonan dari warganegara Malaysia/ Pegawai Perkhidmatan Awam yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan secara peminjaman / pertukaran sementara / kontrak di Kementerian Pendidikan Tinggi. Maklumat jawatan dan syarat kelayakan adalah seperti berikut :

1. Jawatan : Ketua Komunikasi Korporat Gred 54 (Terbuka)
2. Kementerian/Jabatan : Kementerian Pendidikan Tinggi
3. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
4. Klasifikasi Perkhidmatan : Sosial (S)
5. Taraf Jawatan : Peminjaman/ Pertukaran Sementara/ Kontrak
6. Jadual Gaji : Gaji Minimum: RM6,070.00
Gaji Maksimum : RM13,138.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan : RM320.00
7. Elaun dan Kemudahan : Berdasarkan PP 1/2016
: Kadar bayaran elaun dan kemudahan adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang sedang berkuat kuasa
8. Syarat Lantikan : Warganegara Malaysia
Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan

Kelayakan masuk :

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian)/ Ijazah Sarjana Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :

Hendaklah memiliki Kepujian dalam Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat tambahan :

- (i) mempunyai minimum 10 tahun pengalaman berkaitan;
- (ii) bebas daripada sebarang tindakan tatatertib/tiada rekod jenayah;
- (iii) mempunyai tahap kesihatan yang baik, tidak menghidap penyakit berjangkit dan penyakit yang berpanjangan;
- (iv) berkebolehan bertutur dengan fasih dan menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Kebolehan bertutur dan menulis dalam bahasa selain daripada Bahasa Melayu dan Inggeris adalah suatu kelebihan;
- (v) berperwatakan menarik, mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang baik serta mempunyai integriti yang tinggi;
- (vi) berkebolehan untuk merancang dan melaksanakan strategi komunikasi; dan
- (vii) mempunyai kefahaman yang baik berhubung komunikasi digital dan mempunyai pengetahuan yang baik berhubung peranan media melalui saluran digital dan konvensional.

9. Fungsi/ Bidang Tugas

- : (i) bertanggungjawab menguruskan sidang-sidang akhbar, draf kenyataan akhbar, nota-nota taklimat dan maklumat, pengurusan penerbitan, pameran, laporan tahunan dan bertindak sebagai Pegawai Perhubungan Awam di Kementerian/ Jabatan;
- (ii) merancang program publisiti untuk mempromosikan dasar, peranan, aktiviti dan khidmat Kementerian kepada semua pelanggan luar dan dalaman;
- (iii) merancang dan menyelaras penjenamaan Kementerian bagi mengekalkan imej positif;

- (iv) merancang aktiviti bersama media bagi meningkatkan hubungan baik dengan media massa ke arah penyaluran maklumat mengenai Kementerian bagi mendapat liputan positif dan meluas;
- (v) membantu pengendalian acara-acara rasmi Kementerian dari segi publisiti, sambutan dan protokol;
- (vi) merancang dan menyelaras bahan penerbitan Kementerian secara berkala;
- (vii) merancang dan menyelaras dokumentasi/ arkib bagi rekod-rekod/ imej/ keratan akhbar/ video yang berkaitan dengan Kementerian;
- (viii) bertindak sebagai '*content manager*' bagi portal Kementerian;
- (ix) menyelaras pengemaskinian maklumat di laman web seperti berita dan peristiwa, aduan serta memantau pengendalian maklumat di laman sosial Kementerian; dan
- (x) mengurus perhubungan awam melalui perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan program/ aktiviti bagi menjalin hubungan baik dengan pihak awam serta warga dalaman Kementerian, menyelia urusan aduan dan khidmat pelanggan serta lawatan rasmi pelawat ke Kementerian.

CARA MEMOHON

- (a) Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan seperti di Lampiran A yang disertakan.
- (b) Calon bukan penjawat awam yang berminat untuk memohon jawatan tersebut boleh mengemukakan satu (1) salinan maklumat peribadi (*resume*) yang terkini berserta pengalaman perkhidmatan, salinan Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan salinan Sijil Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ PhD.
- (c) Calon yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing (*covering letter*) berserta dokumen-dokumen yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan seperti berikut :
 - i. senarai tugas/ deskripsi tugas pegawai terkini;
 - ii. satu (1) salinan maklumat peribadi (*resume*) yang terkini berserta pengalaman perkhidmatan;
 - iii. satu (1) salinan Sijil Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ PhD yang disahkan;
 - iv. satu (1) salinan Laporan Pengisytiharan Harta yang disahkan oleh Ketua Jabatan;
 - v. satu (1) salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan/ kenyataan perkhidmatan yang lengkap dan telah dikemaskini (bermula perkhidmatan sehingga yang terkini); dan
 - vi. satu (1) salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi tiga (3) tahun yang terkini (Tahun 2020, 2021 dan 2022 atau Tahun 2019, 2020 dan 2021).
- (d) Semua permohonan yang **lengkap** berserta dokumen yang diperlukan hendaklah dikemukakan kepada :

Setiausaha Bahagian

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Kementerian Pendidikan Tinggi

Aras 15, No. 2 Menara 2

Jalan P5/6, Presint 5

62200 PUTRAJAYA

(u.p.: Urusan Pengisian Jawatan Ketua Komunikasi Korporat)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah sebelum atau pada **3 Februari 2023 (Jumaat)**. Permohonan yang **tidak lengkap dan lewat diterima daripada tarikh yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan**.

TEMU DUGA

Hanya pemohon yang layak dan disenaraikan pendek sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga. Permohonan adalah dianggap tidak berjaya sekiranya pemohon tidak menerima sebarang panggilan ke temuduga dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan. Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.

KEPUTUSAN

Keputusan temu duga hanya akan dimaklumkan kepada pemohon yang berjaya sahaja. Keputusan pelantikan secara rasmi akan dimaklumkan setelah mendapat perakuan pelantikan daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi sebelum diangkat untuk kelulusan Pihak Berkuasa Menimbang/ Pihak Berkuasa Melantik berkaitan.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh dikemukakan terus kepada pihak urus setia seperti berikut :

- (i) Puan Noorul Akmam binti Sumiran
No. Tel : 03 – 8870 5253
Emel : noorul.sumiran@mohe.gov.my
- (ii) Puan Nor Salwati binti Che Harun
No. Tel : 03 – 8870 5213
Emel : norsalwati@mohe.gov.my
- (iii) Cik Nurulhuda binti Faridam
No. Tel : 03 – 8870 5241
Emel : huda.faridam@mohe.gov.my